

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	18/9/2019
JABATAN	:	JKPTG
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Susunan ladang haram warga asing

'Belum ada sebarang tindakan'

Kerajaan Selangor didesak serius banteras aktiviti haram

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan Selangor didesak bertindak segera terhadap mana-mana pihak yang menjadi punca pencerobohan pendatang asing yang memotokatah kerajaan secara haram di Bukit Beruntung, Hulu Selangor. Setiausaha, Pertubuhan Sahabat Hulu Selangor, Ramlee Mohd Nasir, mendakwa selepas hampir 10 hari pencerobohan itu dibongkar oleh *BH*, sehingga kini tiada sebarang tindakan tegas diambil oleh pihak berkuasa, hingga menimbulkan persoalan sama ada kerajaan negeri benar-benar serius ingin membantas aktiviti haram atas tanah miliknya itu. Beliau mendakwa, kegiatan per-

tanian di atas tanah yang dice-roboh warga asing terbahit masih berlarutan sehingga kini, seolah-olah tiada sebarang penguatkuasaan, meskipun notis sudah dikeluarkan terhadap kehadiran mereka di situ.

"Kami menggesa kerajaan mengambil tindakan segera dan tarik balik hak milik tanah individu menyebabkan perkara ini berlaku, ia sudah berlarutan sejak 10 tahun lalu, adakah kita mahu melihat mereka terus 'menguasanya'?"

"Jika dibiarkan mungkin lebih banyak lagi kawasan dice-roboh kerana pihak melarikan kesalahan itu semakin berani apabila tiada penguatkuasaan tegas," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Pada 8 September lalu, *BH* *Aliran* melaporkan isu pencerobohan tanah kerajaan dan milik persendirian di Bukit Beruntung oleh kumpulan warga asing, di kawasan dianggarkan seluas 60 hektar. Mereka dikatakakan bekerja dengan pihak tertentu yang menyewa tapak pertanian itu, tetapi menceroboh masuk ke kawasan lain, termasuk 10 hektar milik



Kegiatan pertanian di atas tanah yang dice-roboh warga asing di Bukit Beruntung masih berlarutan sehingga kini, seolah-olah tiada sebarang penguatkuasaan. (Foto Zunnur Al Shafiq/*BH*)

Pejabat Tanah Galian (PTG), Hulu Selangor.

Walaupun diberikan notis pengosongan kawasan, namun arahan itu tidak diendahkan, bahkan aktiviti di situ berjalan seperti biasa.

Semakan *BH* berdasarkan pelan pembangunan Bukit Beruntung mendapati, kawasan dice-roboh

itu membabitkan tanah milik PTG Hulu Selangor. Menteri Besar Incorporated (MBI), syarikat swasta, rizab Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan rizab masjid serta rizab sekolah.

Ramlee berkata, pihaknya juga berharap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat isu berkenaan bagi meng-

esan, sama ada wujud unsur rasuah atau penyalahgunaan kuasa sehingga menyebabkan perkara itu boleh berlaku.

"Bagaimana tanah kerajaan boleh dice-roboh sebegitu lama tanpa sebarang tindakan? Jika ada sesuatu yang tidak kena, mungkin SPRM boleh campur tangan dalam hal ini," katanya.